

PM luang masa rai keluarga Allahyarham Syeikh Prof Abu Hamid

Kuala Lumpur: Di sebalik jadual padat sepanjang lawatan kerja dua hari ke Riyadh, Arab Saudi, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sempat meluangkan masa meraikan keluarga pemikir Islam tersohor Allahyarham Syeikh Prof Abu Hamid Abu Sulayman.

Allahyarham Syeikh Prof Abu Hamid adalah bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Menerusi catatan di Facebook, Perdana Menteri yang berkongsi beberapa keping gambar pertemuan itu, berkata antara karya penting Syeikh Prof Abu Hamid yang sering dirujuk ialah *Crisis in the Muslim Mind* dan *Islamization of Knowledge*.

“Pertemuan dengan Faekah (isteri Syeikh Prof Abu Hamid) dan anak-anak menggamit kembali memori persahabatan lama keluarga kami sejak 1970-an, khususnya pengalaman bersama membangunkan UIAM sebagai institusi pendidikan tinggi yang telah melahirkan ramai graduan dari seluruh dunia,” katanya.

Anwar tiba di Riyadh pada Khamis bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) pada Jumaat dan beliau sudah mengentengahkan konflik semasa Palestin-Israel.

Anwar juga menghadiri majlis ramah mesra dengan rakyat Malaysia di Arab Saudi, selain me-



Anwar bersama keluarga Allahyarham Syeikh Prof Abu Hamid

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

ngadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Liga Islam Sedunia Dr Muhammad bin Abdulkarim Al-Issa di pejabat liga berkenaan.

Semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan, mengadakan

pertemuan dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Aramco, Amin H Nasser, diikuti dengan beberapa lagi pertemuan dengan kapten industri dan firma gergasi Arab Saudi. Beliau juga menghadap Perdana Men-

teri Arab Saudi, Putera Mahkota Mohammed bin Salman, atas jemputan peribadi baginda bagi membincangkan lebih lanjut isu Palestin dan hubungan dua hala Malaysia dan Arab Saudi.

BERNAMA